

Sebelum itu, wanita ini turut menggalas tanggungjawab sebagai jurutera pemeriksaan kapal tekanan dan perpaipan selain jawatan dalam sokongan kecemerlangan pengeluaran serta teknologi projek khas di SMDs.

Kepakaran wanita ini turut dimanfaatkan untuk menyumbang semula kepada masyarakat dengan menjadi sukarelawan Shell MyGeekMovement yang memberi tumpuan kepada pembangunan minat belia dalam bidang STEM.

Menurutnya, antara 2017 dan 2018 dia diberi peluang sebagai mentor pelajar berusia 13 dan 14 tahun di dua sekolah menengah di Bintulu termasuk sekolah



PENGALAMAN
sebagai jurutera
mematangkan
Cindy

Rakan beri sokongan,
galakan untuk
pencapaian lebih
jauh dalam kerjaya

TAK BIAR DIRI RASA 'TERANCAM'

lamanya, SMK Kidurong dan SMK Bintulu.

"Ketika tingkatan lima saya menyedari daripada semua mata pelajaran, subjek Fizik begitu menarik minat saya. Ketika sesi makmal, saya begitu teruja melihat bagaimana teori yang diajar dalam kelas berlaku dalam kehidupan sebenar di sekeliling kita.

"Minat ini berterusan sehingga mengikuti pengajian di Kolej Matrikulasi Labuan dan apabila tiba masa untuk memilih bidang yang saya ingin belajar di universiti, kejuruteraan mekatronik dirasakan sesuai."

katanya.

Menurutnya, selepas tamat pengajian tahun akhir di UKM, tanpa menunggu graduasi dia giat memohon pekerjaan kerana mahu memastikan mendapat kerja segera kerana memikirkan ibu bapanya yang sudah bersara ketika itu.

Melepasi temu duga, Cindy kemudian ditawarkan jawatan sebagai jurutera pemeriksa di SMDs walaupun ketika itu dia belum bergraduasi.

"Sejak awal lagi saya sedar bidang pengajian dan kerja yang saya pilih ini didominasi lelaki. Untuk itu, apabila saya menyertai syarikat ini sebagai jurutera pemeriksa pada 2011, saya adalah jurutera wanita kedua yang menyertai pasukan sejak 1993.

"Cabaran sebenar bukanlah lelaki yang bekerjasama dengan saya kerana kebanyakan mereka adalah inklusif dan berfikir ke hadapan, tetapi cabarannya lebih kepada diri saya sendiri.

"Saya tidak membiarkan diri berasa terancam oleh persekitaran lelaki yang dominan dan sentiasa memberi tumpuan kepada hasil yang saya ingin capai.

"Shell menjadi majikan yang hebat dan sangat menyokong cabaran kesamarataan jantina dan saya berpeluang menyertai

Program Pembangunan Kerjaya Shell Wanita. Ia membantu saya memahami bagaimana saya dapat memanfaatkan keberibadian untuk membuka lebih banyak potensi diri di tempat kerja," katanya.

Menurutnya, kejayaan itu didorong sokongan kuat keluarga, rakan sekerja dan kawan rapat yang sentiasa mempercayainya, menyokong dan menggalakkan dirinya untuk mencapai lebih jauh dan memenuhi potensi diri sendiri.

Tanpa mereka katanya, dia mungkin tidak akan menjadi seperti hari ini.

"Saya berharap menerusi semua peranan yang dipegang ketika menuju peningkatan dalam kerjaya, saya akan sentiasa memanfaatkan dan membina kekuatan saya sebagai profesional teknikal dan pemimpin.

"Malah saya ingin menjadi contoh bagaimana wanita boleh menjadi pasukan yang hebat di tempat kerja dan benar-benar memberi kesan kepada landskap tenaga, pembuatan dan perniagaan di samping membina masyarakat di sekeliling.

"Pada masa sama, saya harap dapat memberi inspirasi kepada wanita lain untuk memenuhi potensi mereka dan menjangkau lebih daripada apa difikirkan," katanya.



CINDY sentiasa positif meskipun bekerja di persekitaran didominasi lelaki.